



17 April 2015
17 April 2015
P.U. (B) 178

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)

Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Dato Bandar Kuala Lumpur pada atau sebelum 15 Mei 2015 di Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL II, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tarikh larangan</i>
Sebahagian Jalan Cochrane dari persimpangannya dengan Jalan Tun Razak hingga ke persimpangannya dengan Jalan Shelly sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	(i) Kenderaan dari Jalan Tun Razak menghala ke Jalan Shelly hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua (ii) Kenderaan dari Jalan Shelly menghala ke Jalan Tun Razak hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Jun 2015 hingga 3 Mac 2016

JADUAL KEDUA



Bertarikh 8 April 2015

[DBKL/JUP/BPPP/GN/3776(B)(JLD.8); PN(PU2)460/LXXIX]

DATUK SERI HAJI AHMAD PHESAL BIN HAJI TALIB
Dato Bandar Kuala Lumpur

ROAD TRANSPORT ACT 1987

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)


The Dato Bandar Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under subsections 70(1) and (2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving of all vehicles on that part of the road as specified in column (1) of the First Schedule, as shown on the map in the Second Schedule, otherwise than in the directions specified in column (2) of the First Schedule, with effect from the date specified in column (3) of the First Schedule.

Objections to the proposals, if any, must be sent in writing to the Dato Bandar Kuala Lumpur on or before 15 May 2015 at the Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL II, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

FIRST SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
<i>Road to which the prohibition applies</i>	<i>Direction specified</i>	<i>Date of prohibition</i>
Part of Jalan Cochrane from its junction with Jalan Tun Razak proceeding towards its junction with Jalan Shelly as demarcated on the map in the Second Schedule	(i) Vehicles from Jalan Tun Razak proceeding towards Jalan Shelly shall use the alternative road as shown on the map in the Second Schedule	1 June 2015 until 3 March 2016
	(ii) Vehicles from Jalan Shelly proceeding towards Jalan Tun Razak shall use the alternative road as shown on the map in the Second Schedule	

SECOND SCHEDULE



Dated 8 April 2015

[DBKL/JUP/BPPP/GN/3776 (B) (JLD. 8); PN(PU2)460/ LXXIX]

DATUK SERI HAJI AHMAD PHESAL BIN HAJI TALIB
Dato Bandar Kuala Lumpur